

# PDRM digesa siasat syarikat perdaya mangsa pakej umrah

Penganjur disyaki perdaya 123 mangsa babit kerugian RM1.3j

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antara-bangsa Malaysia (MHO) menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan siasatan atas kesalahan jenayah terhadap syarikat yang disyaki memperdayakan 123 mangsa penipuan pakej umrah membabitkan jumlah kerugian RM1.3 juta.

Setiausaha Agung MHO, Datuk Hishamuddin Hashim, berkata syarikat penganjur pakej umrah itu dikesan melakukan jenayah penipuan Seksyen 415 Kanun Keseksan dan jenayah pecah amanah Seksyen 420 Kanun Keseksan ke atas mangsa yang membeli pakej umrah yang ditawarkan syarikat.

“Syarikat mengiklankan tawaran pakej umrah ini di pelbagai platform media sosial. Pelanggan yang berminat telah menghubungi syarikat itu dan diminta hadir ke pejabat urusan mereka untuk urus niaga jual beli pakej yang ditawarkan.

“Apabila hampir waktu untuk menunaikan umrah, perancangan umrah mereka telah dibatalkan dengan pelbagai alasan. Syarikat juga menabur pelbagai janji untuk memulangkan semula pembayaran dan mengatur semula pakej yang ditempah pelanggan,” katanya di Sungai Besi, di sini semalam.

Hadir sama, Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC), Tan Sri Musa Hassan.

## Tuntutan belum dipenuhi

Hishamuddin berkata, sehingga kini sebarang tuntutan belum dipenuhi oleh syarikat berkenaan walaupun sudah menerima perintah award Tribunal melalui Tribunal Tuntutan Pengguna.

Katanya, keingkaran syarikat ke atas award yang diberikan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna ke-



Hishamuddin dan Musa pada sidang media mengenai penipuan pakej umrah, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

pada mangsa satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Beliau berkata, antara Mac hingga Oktober lalu, mangsa sudah membuat laporan polis tetapi mereka diminta merujuk kes kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

“Mangsa maklum MOTAC berkuasa untuk mengarahkan syarikat supaya mengembalikan wang bayaran dan membatalkan lesen syarikat pelancongan sya-

rikat itu. Bagaimanapun, mangsa mahukan tindakan jenayah dikenakan ke atas syarikat berkenaan kerana perbuatan syarikat yang telah menipu dan memperdayakan mangsa.

“Ada sebahagian daripada mangsa menerima pengembalian wang dalam bentuk cek ‘post dated’. Namun begitu, ketika mangsa ingin tunaikan cek berkenaan, pihak bank memaklumkan bahawa pembayaran ke atas cek itu telah diberhentikan,” katanya.